



# Remaja Peduli Pedulikan Kita?

Kata bijak pandai, “Kalau mahu melihat kelangsungan sesebuah negara pada masa hadapan, lihatlah pencapaian anak mudanya pada masa ini.” Siapakah anak muda ini? Ya, remaja dan belia! Remaja terdiri daripada golongan anak muda yang berusia antara 11 hingga 21 tahun. Namun begitu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa remaja ialah golongan yang berusia antara 15 hingga 24 tahun. Belia pula terdiri daripada mereka yang berada dalam lingkungan umur 18 hingga 30 tahun.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia berdasarkan banci penduduk pada tahun 2020, merekodkan jumlah penduduk negara ini sebanyak 32.4 juta orang. Daripada jumlah tersebut, mereka yang berusia 15 hingga 19 tahun sebanyak 2.87 juta orang, mereka yang berusia 20 hingga 24 tahun pula sebanyak 3.22 juta orang, dan mereka yang berusia 25 hingga 29 tahun sebanyak 3.32 juta orang. Secara kumulatifnya, mereka yang berusia 15 hingga 29 tahun berjumlah 9.41 juta orang atau 29 peratus daripada jumlah penduduk negara ini.

Sememangnya kehadiran golongan remaja sangat signifikan dalam proses pembangunan negara kerana merekalah yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, pemupukan rasa kepedulian atau sikap ambil tahu dalam kalangan remaja tentang masyarakat sangat penting, terutama dalam aspek kemajuan dan kebajikan masyarakat.

Fasa remaja merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Transisi ini melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi, serta perubahan pada peringkat tidak matang kepada matang. Dalam tempoh peralihan inilah, remaja mengalami perkembangan fizikal, emosi dan kognitif. Mereka juga mulai belajar tentang peranan kerja, peranan dalam keluarga dan peranan sebagai warga masyarakat. Maka itu, remaja perlu diberikan pengalaman sosial supaya mereka mempunyai asas yang kukuh untuk berperanan secara berkesan dalam masyarakat apabila dewasa kelak.

Apakah rupa bentuk kepedulian yang harus diberikan penekanan oleh remaja? Tulisan ini akan merungkakan dimensi kepedulian tersebut, iaitu dari segi kesukarelawanan, ekonomi dan pendidikan, kesihatan, dan kepekaan terhadap isu antarabangsa, serta alam sekitar.

Data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2019 merekodkan sebanyak 11 559 orang rakyat Malaysia

telah mendaftar secara rasmi sebagai sukarelawan. Daripada jumlah tersebut, 4615 orang ialah golongan lelaki, manakala 6944 orang ialah perempuan. Selain itu, sumber data yang sama merekodkan terdapat sebanyak 264 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di negara ini. Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM21.98 juta kepada PSK untuk menjalankan operasi mereka. Walau bagaimanapun, jumlah yang menjadi sukarelawan masih kecil jika dibuat perbandingan nisbah jumlah golongan muda dengan jumlah penduduk di negara ini.

Data Jabatan Perangkaan Malaysia berdasarkan banci penduduk pada tahun 2020 merekodkan golongan yang berusia 64 tahun ke atas adalah sebanyak 2.2 juta orang atau 6.6 peratus daripada jumlah penduduk. Berdasarkan pola semasa, jumlah ini akan meningkat saban tahun sementelahan Malaysia akan mencapai status “negara tua” menjelang tahun 2030 apabila 15.3 peratus daripada jumlah penduduk bakal berusia 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah warga emas pada ketika itu bakal menjangkau kira-kira 5.8 juta orang. Apabila hal ini berlaku kelak, kos perubatan akan menjadi lebih tinggi dan keprihatinan masyarakat untuk membantu golongan warga emas amatlah diperlukan.

Perlu diingat bahawa dalam kelompok masyarakat, terdapat golongan yang memerlukan bantuan daripada anggota masyarakat yang lainnya. Antaranya termasuklah orang kurang upaya (OKU), golongan anak yatim dan warga emas. Di sinilah ruang yang ada bagi golongan remaja untuk membuat kerja kebajikan dan aktiviti secara sukarela, khususnya melalui pertubuhan sukarela.

Kata bijak pandai lagi, “Anda tidak boleh membentuk kedamaian dengan membesarkan pasukan ketenteraan, sebaliknya anda mampu membentuk kedamaian dengan memperkasakan warganegaranya.” Maka itu, di sinilah letaknya kepentingan pembentukan nilai murni dalam kalangan warganegara sedari usia remaja. Hal



**Fasa remaja merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Transisi ini melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi, serta perubahan pada peringkat tidak matang kepada matang. Dalam tempoh peralihan inilah, remaja mengalami perkembangan fizikal, emosi dan kognitif. Mereka juga mulai belajar tentang peranan kerja, peranan dalam keluarga dan peranan sebagai warga masyarakat. Maka itu, remaja perlu diberikan pengalaman sosial supaya mereka mempunyai asas yang kukuh untuk berperanan secara berkesan dalam masyarakat apabila dewasa kelak.**

ini dikatakan demikian kerana melalui elemen nilai murnilah yang dapat membentuk jati diri warganegara yang bertanggungjawab dan mempunyai sikap peduli yang tinggi kepada masyarakat dan negaranya.

Sebagai remaja yang bakal menggalas tanggungjawab membangunkan masyarakatnya, remaja perlu mengambil peduli tentang pertumbuhan ekonomi negara. Semenjak tahun 1970 hingga tahun 2020, orientasi ekonomi negara kita mengalami perubahan yang ketara, iaitu daripada berasaskan pertanian kepada pembuatan, kemudian kepada perkhidmatan dengan sasaran mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi.

Sebanyak 15.80 juta orang penduduk negara ini, iaitu kira-kira 48.7 peratus daripada jumlah penduduk tergolong dalam kategori tenaga buruh. Daripada jumlah tersebut, 15.06 juta orang bekerja, manakala 733 000 menganggur. Lima sektor pekerjaan yang utama ialah perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan, serta perlombongan dan pengkuarian.

Kini, negara sedang melalui fasa Revolusi Perindustrian 4.0 yang bertunjangkan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, serta pendigitalan. Kerajaan telah menggubal Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) yang bertemakan “Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan”. Antara usaha kerajaan termasuklah menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat secara inklusif melalui pembangunan belia yang dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing. Kerajaan turut berusaha membangunkan bakat masa hadapan dengan memanfaatkan teknologi yang baru muncul. Selain itu, kerajaan berusaha melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju dengan memperhebat ekonomi digital serta membangunkan bakat digital tersedia masa hadapan.

Dalam hal ini, kerajaan melakukan inisiatif memperkasakan sistem pendidikan negara dengan memberikantumpuan pada Pendidikan

dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Data Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pada tahun 2021, sebanyak 4.99 peratus tenaga buruh mempunyai latar belakang pendidikan tertiar, sebanyak 8.27 peratus berlatarbelakangkan sekolah menengah, sebanyak 1.29 peratus berlatarbelakangkan sekolah rendah dan sebanyak 0.36 peratus tiada pendidikan rasmi. Bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran, tenaga buruh yang berkemahiran TVET perlu diperluas dan dipertingkatkan bagi mencapai sasaran ekonomi berpendapatan tinggi dan status negara maju.

Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme, UNDP) pula telah menggariskan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals atau SDGs) pada era digital ini. Matlamat keempat menggariskan pendidikan berkualiti yang harus diterima oleh setiap warga jagat. Pendidikan diyakini mampu merubah masa hadapan seseorang, sama ada individu itu sendiri, keluarga mahupun kelompok masyarakat. Oleh hal yang demikian, dalam era ini hanya melalui pendidikan seseorang dapat meneruskan kelangsungan hidup yang sejahtera.

Kehidupan yang sejahtera turut dikaitkan dengan tahap kualiti kesihatan yang baik. Data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO) merekodkan masalah obesiti telah menjadi kebimbangan global sejak tahun 1975 hingga kini. Laporan WHO pada Februari 2020 menunjukkan masalah obesiti yang kritikal dan telah mencapai peringkat epidemik secara global apabila sekurang-kurangnya 2.8 juta orang meninggal dunia setiap tahun kerana obesiti.

Di Malaysia, hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (National Health and Morbidity Survey, NHMS) pada tahun 2019 mendapati bahawa 50.1 peratus daripada orang dewasa mempunyai sama ada berlebihan berat badan atau obes, iaitu 30.4 peratus adalah berlebihan

berat badan manakala 19.7 peratus adalah obes. NHMS mendefinisikan berlebihan berat badan berdasarkan Indeks Jisim Tubuh (IJT) melebihi 25kg/m<sup>2</sup>, manakala untuk obes kadar IJT melebihi 30kg/m<sup>2</sup>.

Menurut data *World Population Review* pada tahun 2019, prevalens orang dewasa yang obes di Malaysia adalah yang tertinggi di kawasan Asia Tenggara, iaitu sebanyak 15.6 peratus diikuti oleh negara Brunei Darussalam (14.1 peratus), Thailand (10.0 peratus) dan Indonesia (6.9 peratus).

Antara faktor penyebab obesiti termasuklah pemakanan, aktiviti fizikal, persekitaran, genetik dan faktor lain seperti penyakit, tekanan dan ubatan. Cuba bayangkan, bagaimanakah kita hendak melahirkan warganegara yang aktif dan cergas, jika masalah obesiti membelenggu masyarakat? Bagaimanakah pula kita dapat meningkatkan produktiviti sekiranya warganegara lesu dan tidak bermaya untuk bekerja kuat?

Kerajaan dilaporkan telah menampung kos rawatan hemodialisis berjumlah RM2.2 bilion setahun bagi 50 000 orang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di hospital kerajaan. Kos untuk menampung rawatan seorang pesakit sebanyak tiga kali seminggu dianggarkan sekitar RM44 000 setahun. Oleh hal yang demikian, remaja perlu mengamalkan gaya hidup yang aktif dan cergas, bukan sahaja untuk meningkatkan tahap kesihatan diri dan produktiviti malahan menjauhi diri daripada aktiviti yang tidak sihat seperti merokok, meminum alkohol dan mengambil dadah!

Tahukah anda tarikh 12 Ogos telah diiktiraf sebagai Hari Remaja Antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semenjak tahun 1999? Sambutan ini menunjukkan keseriusan badan dunia itu untuk menangani isu penting yang melingkari para remaja di seluruh dunia. Menurut Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres, remaja berada di barisan hadapan dalam perjuangan untuk membina masa



hadapan yang lebih baik untuk dunia. Maka itu, usaha pembentukan peribadi unggul dalam kalangan remaja perlu diberikan perhatian.

Remaja pada masa ini berada dalam persekitaran penggunaan media sosial yang optimum. Oleh hal yang demikian, sudah seharusnya remaja memanfaatkan media sosial untuk bereksperimen dan lebih berani menonjolkan diri secara langsung di hadapan khalayak maya untuk membicarakan hal yang konstruktif dan positif. Melalui kuasa media sosial juga, golongan remaja boleh menjadikan platform tersebut sebagai wahana untuk melontarkan idea kreatif, menzahirkan pandangan kritis mahupun menunjukkan daya kepimpinan yang unggul.

Dalam usaha melahirkan remaja berperwatakan unggul dan berkarisma serta berciri antarabangsa, remaja perlu menanam sikap ambil tahu dan cakna dalam hal kedaulatan negara, hubungan diplomasi serantau dan isu jaringan global. Hal ini amat penting dalam usaha membina pemikiran kritis terhadap isu kritikal seperti hal ehwal ASEAN, dasar politik serta ekonomi negara jiran dan hubungan negara kita dengan kuasa besar dunia. Remaja perlu mendedahkan diri dalam hal ehwal semasa, meliputi isu global seperti krisis Rusia-Ukraine, isu hak asasi manusia Rohingya di Myanmar dan persaingan ekonomi antara China dengan Amerika Syarikat. Kepekaan terhadap isu antarabangsa dapat mewujudkan daya kepimpinan yang progresif dan pemikiran yang pragmatik dalam usaha meletakkan negara setanding dengan negara maju di peta dunia.

Pandemik COVID-19 ternyata telah menyekat pertumbuhan ekonomi dan memberikan kesan sosial yang mendalam. Namun begitu, pengurangan dan keterhadan pergerakan manusia dan aktiviti ekonomi telah memberikan ruang pada usaha pemulihan alam sekitar. Tahukah anda bahawa pada tahun 2020, terdapat lebih banyak hari dicatatkan berstatus udara “baik” dan “sederhana” di beberapa tempat berbanding dengan tahun 2019? Antaranya termasuklah Sibu di Sarawak (2020: 291 hari, 2019: 96 hari), Kluang di Johor (2020: 277 hari, 2019: 84 hari) dan Pengerang di Johor (2020: 274 hari, 2019: 111 hari). Hari berstatus udara “baik” dan “sederhana” ini berlaku dalam tempoh pergerakan manusia agak terbatas dan aktiviti ekonomi agak jumud ekoran penularan wabak COVID-19.

Selain itu, pada tahun 2020 terdapat peningkatan pengurusan sisa klinikal di pusat kemudahan kesihatan dan pusat kuarantin. Jika pada tahun 2019, sebanyak 33.8 ribu tan metrik sisa klinikal telah diurus, tetapi pada tahun 2020, jumlahnya meningkat menjadi 39.9 ribu tan metrik!



Pandemik COVID-19 juga menjadi penyebab utama industri pelancongan merudum dengan begitu ketara. Namun begitu, kualiti alam sekitar telah meningkat. Data indeks kualiti air masin di kawasan pulau menunjukkan pada tahun 2018 hanya 34 buah pulau menunjukkan kualiti indeks terbaik, tetapi pada tahun 2020 jumlahnya meningkat kepada 46 buah pulau. Bagi kategori pesisir pantai pula, pada tahun 2019 sebanyak 37 lokasi dicatatkan tetapi pada tahun 2020 jumlahnya meningkat kepada 55 tempat.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, kerajaan telah menggariskan usaha mempercepat pertumbuhan hijau untuk kemapanan dan daya tahan. Antara langkah yang diambil termasuklah melaksanakan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, dan mengurus sumber asli dengan cekap bagi melindungi aset semula jadi. Kepedulian remaja terhadap isu alam sekitar amat signifikan kerana kekurangan sumber pada masa hadapan akan mewujudkan krisis global dan setiap negara di dunia perlu mencari alternatif yang terbaik bagi memenuhi keperluan rakyat mereka.

Sikap kepedulian remaja dalam menangani dan mendepani isu semasa merupakan pengalaman sosial yang harus dirasai oleh generasi yang menjadi tiang seri negara. Umpama latihan untuk mempersiapkan pasukan tentera yang akan berjuang, begitulah seharusnya golongan remaja dilengkapi dengan ujian ketahanan fizikal dan ujian tindakan strategik, yang pada akhirnya akan melahirkan golongan remaja yang cukup bersedia dari segi fizikal, emosi dan kognitif untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berketerampilan. Dengan adanya sokongan yang padu daripada golongan dewasa, lantas mewujudkan hubungan yang bersifat simbiotik menjadi kelengkapan yang ampuh dalam usaha negara menyediakan generasi pelapis yang bijak memimpin dan tahan menongkah cabaran zaman. 